

D130

R B921 AAB
MAHKAMAH - SAMAN

KUALA LUMPUR, 15 MEI (BERNAMA) -- BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ DAN TUN HUSSEIN ONN, DAN BEKAS MENTERI PERTANIAN DATUK ABDUL MANAN OTHMAN MEMUTUSKAN TIDAK AKAN MENERUSKAN RAYUAN MEREKA TERHADAP KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI YANG MENGENEPIKAN SAMAN MEREKA TERHADAP PRESIDEN UMNO DAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN SETIAUSAHA AGUNG PARTI ITU DATUK MOHAMED RAHMAT.

MEREKA MENARIK BALIK RAYUAN ITU MELALUI PEGUAMBELA CIK CHRISTINA KOW. RAYUAN ITU DIJADUALKAN DIDENGAR DI MAHKAMAH AGUNG HARI INI.

HAKIM BESAR MALAYA TAN SRI HASHIM YEOP SANI, YANG MENGETUAI PERSIDANGAN MAHKAMAH AGUNG ITU BERSAMA-SAMA DUA ANGGOTA YANG LAIN IAITU HAKIM-HAKIM MAHKAMAH AGUNG DATUK MOHAMED YUSOF MOHAMED DAN DATUK GUNN CHIT TUAN, KEMUDIAN MENGELUARKAN PERINTAH SUPAYA KOS \$2,000 DIBAYAR KEPADA RESPONDEN.

DALAM SAMAN DI MAHKAMAH TINGGI, KETIGA-TIGA MEREKA MEMOHON PERINTAH TETAP MENGHALANG UMNO BARU DARIPADA MENGAMBIL ANGGOTA, MEMINDAHKAN ASET UMNO LAMA DAN DARIPADA MEMBUAT KENYATAAN BERHUBUNG UMNO MALAYSIA YANG DICADANGKAN SEBELUM INI.

HAKIM MAHKAMAH TINGGI DATUK AJAIB SINGH, KETIKA MENGENEPIKAN SAMAN ITU, MEMUTUSKAN BAHAWA TUNKU ABDUL RAHMAN, TUN HUSSEIN DAN DATUK MANAN TIDAK MEMPUNYAI SEBAB-SEBAB ATAU TINDAKAN MANASABAH TERHADAP DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK MOHAMED RAHMAT, YANG JUGA MENTERI PENERANGAN DAN DENGAN ITU DAKWAAN-DAKWAAN MEREKA +SAMA SEKALI DANGKAL DAN BERNIAT BURUK+. -- LAGI

2125MST 15 05 89

D131

R B922 AAB
MAHKAMAH - SAMAN 2 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU, BEKAS SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI PERAK DATUK HAJI ABDUL MALIK HAJI AHMAD DAN BEKAS MENTERI BESAR JOHOR TAN SRI OTHMAN SAAT, HARI INI JUGA MENARIK BALIK RAYUAN MEREKA TERHADAP KEPUTUSAN DATUK AJAIB SINGH MENOLAK PERMOHONAN MEREKA UNTUK MENDAPATKAN PERINTAH CERTIORARI UNTUK MEMBATALKAN KEPUTUSAN PENDAFTAR PERTUBUHAN MEMBATALKAN UMNO.

PERMOHONAN ITU DITOLAK OLEH MAHKAMAH TINGGI PADA 14 MEI, TAHUN LEPAS.

-- BERNAMA

2126MST 15 05 89

D175